

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, June 4, 2019 12:36 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: PERUTUSAN KHAS NAIB CANSELOR SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1440H



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

04 JUN 2019 / 30 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



**UUM
ONLINE:**

PERUTUSAN KHAS NAIB CANSELOR SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1440H

Bismillahirrahmanirrahim

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Selamat Hari Raya Aidilfitri كُلُّ عَامٍ وَ أَنْتُمْ بِخَيْرٍ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَبِاللَّهِ الْحَمْدُ

Marilah kita sama-sama mengagungkan kebesaran Allah dengan melaungkan takbir dan tahmid sebagai tanda kesyukuran kerana dapat menyempurnakan ibadah puasa pada bulan Ramadan. Ini bertepatan dengan Firman Allah Subhanahuwataala yang bermaksud:

“Supaya kamu mencukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), supaya kamu membesarkan Allah (dengan bertakbir) kerana telah memberi petunjuk-NYA kepada kamu dan supaya kamu bersyukur.” (surah al-Baqarah, ayat 185)

Ramadan yang kita lalui bukan sahaja berkisar tentang ujian menahan nafsu, malah bulan penuh barakah ini mendidik diri kita agar menjadi insan yang taat dengan sifat yang mulia agar mencapai tahap takwa sebagai seorang hamba kepada al-Khaliq.

Bersempena dengan kehadiran Syawal ini, marilah kita bersama-sama terus istiqamah dengan panduan al-Quran dan Sunnah, menguatkan persaudaraan dalam kalangan umat Islam, bermaaf-maafan, berkasih sayang di antara satu sama lain, dan kunjung-mengunjung sanak saudara, sahabat handai dan jiran tetangga. Pada masa yang sama, segala pembaziran harus dielakkan kerana boleh merosakkan pahala yang telah kita kumpul selama sebulan. Di samping itu, janganlah kita lupa menyantuni fakir miskin dengan menunaikan zakat fitrah, agar golongan ini juga dapat sama- sama merasai kemeriahan Syawal yang mulia.

Namun, dalam kegembiraan kita meraikan kemenangan di bulan yang mulia ini, janganlah kita lupai rakan-rakan yang telah meninggalkan kita lebih awal. Sedekahkanlah al-Fatihah dan doakanlah agar roh mereka diampuni Allah SWT dan diletakkan dalam golongan hamba-Nya yang beriman. Sesungguhnya jasa mereka dalam membantu menaikkan nama Universiti sehingga menjadi gah seperti hari ini pasti akan sentiasa dikenang.

Akhir sekali, dengan penuh rasa rendah hati, saya dan seisi keluarga mengambil kesempatan ini menyusun sepuluh jari memohon ampun dan maaf zahir dan batin. Saya mengharapkan agar semua warga UUM sentiasa mengutamakan keselamatan sepanjang musim perayaan ini dan menyambut Aidilfitri dengan penuh kegembiraan bersama insan tersayang.

Selamat Hari Raya Aidilfitri

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّْ وَ مِنْكُمْ

التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Prof. Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani

Naib Canselor

Universiti Utara Malaysia



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.